



**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF SERAH ZAKAT BAGI KOS OPERASI**

**PUSAT TUISYEN DI PERLIS**

***Kangar, Perlis, 28 Februari 2018*** – Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah menyerahkan sebahagian zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pada hari ini untuk menampung operasi pusat tuisyen di Kangar.

Zakat berjumlah RM135,900 tersebut bakal digunakan untuk menampung kos operasi Pusat Celik Minda (PCM) di Taman Desa Asnaf Batu Bertangkup, Kangar Perlis. Sumbangan zakat tersebut telah diserahkan oleh Encik Abdul Malek Abdul Hafiz, Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan MIDF kepada Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs.

MIDF telah bekerjasama dengan MAIPs dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN Perlis) dalam penyediaan pusat tuisyen bantuan penuh PCM bertempat di Taman Desa Asnaf yang sekarang memberi khidmat tuisyen percuma kepada 80 anak-anak asnaf untuk persediaan menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Pusat tersebut kini dalam tahun ketiga operasinya.

Kos operasi Pusat Celik Minda termasuk penggajian guru-guru, makan minum serta pengangkutan untuk murid-murid yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh MIDF. Manakala MAIPs bertanggungjawab untuk pengurusan pusat tersebut. JPN Perlis pula memainkan peranan untuk mengenalpasti guru-guru

cemerlang serta murid-murid asnaf untuk menghadiri kelas bimbingan di pusat tuisyen tersebut.

Pusat Celik Minda telah mula beroperasi sejak Mac 2015 dengan menyediakan 40 murid-murid Darjah 6 untuk menduduki peperiksaan UPSR. Kini bilangan pelajar telah ditambah dengan 40 orang murid-murid Darjah 5.

###

### **Mengenai MIDF**

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara. Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin. MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Mastura Md Mukhlas  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tel: (03) 2173 1832  
Fax: (03) 2173 8866  
HP: (012) 200 0381  
E-mail: [masturam@midf.com.my](mailto:masturam@midf.com.my)  
[Website: www.midf.com.my](http://www.midf.com.my)